



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 April 2021**  
**15 Ramadhan 1442**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cubaan nelayan asing kelirukan pihak berkuasa gagal</li><li>• Dua pemancing maut dipanah petir</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan Vietnam cuba rosakkan bot pihak berkuasa (online)</li><li>• Lihat 2 rakan rebah</li><li>• "Serang"kipas enjin bot</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mimpi gigi tercabut petanda anak "pergi"</li><li>• Kejar bot Vietnam "ganas" hamper 2 jam</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dua lelaki maut dipanah petir</li></ul>
<b>The Star</b>	
<b>New Straits Time</b>	
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
<b>Malaysia Gazette</b>	
<b>Harakah</b>	
<b>Malaysia Dateline</b>	
<b>Bernama</b>	
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	
<b>Guan Ming Daily</b>	
<b>Sin Chew Daily</b>	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			17	27/04/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

## Cubaan nelayan asing kelirukan pihak berkuasa gagal

Kuala Terengganu: Cubaan 13 nelayan Vietnam memasang nombor pendaftaran tempatan pada bot digunakan mereka, dipercayai untuk mengelirukan pihak berkuasa ketika menceroboh perairan negeri ini gagal apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kelmarin.

Dua bot nelayan Vietnam dilesen menggunakan nombor pendaftaran palsu TRF1311 dan TRF1132, ditahan ketika menangkap ikan menggunakan kaedah runda ganding pada kedudukan 35 dan 36 batu nautika timur laut,

Kuala Terengganu antara jam 6.35 hingga 7.14 pagi.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli, berkata kedua-dua bot berkenaan ditahan Kapal Maritim (KM) NUSA yang dalam rondaan Dua Imran di perairan berkenaan.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati bot TRF1311 yang fizikalnya menyerupai bot nelayan Vietnam, dikendalikan empat kru termasuk tekong, manakala bot kedua bernombor TRF1132 dikendalikan sembilan kru, termasuk tekong.

"Pemeriksaan mendapati semua kru kedua-dua bot adalah warga Vietnam dan tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah. Malah nama mereka juga tiada dalam senarai buku lesen kedua-dua bot terbabit.

"Mereka cuba mengaburi penguat kuasa dengan menyamar sebagai bot tempatan, namun usaha mereka gagal," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, susulan tangkapan itu, pihaknya merampas 15,000 liter diesel dan lebih dua tan ikan dengan keseluruhan rampasan, termasuk bot serta peralatan menangkap ikan bernilai RM2 juta.

Muhammad Suffi berkata, semua 13 kru, termasuk tekong berusia antara 25 hingga 47 tahun ditahan kerana tidak memiliki permit kerja dan dokumen pengenalan diri.

"Kedua-dua bot berserta kru dan tekong ditahan serta dibawa ke Jeti Maritim Terengganu.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1966 kerana melanggar syarat sah lesen dan Akta Imig-



Bot nelayan asing yang ditahan Maritim Malaysia Zon Maritim Mersing, di Pulau Pemanggil.

resen 1959/63 kerana tiada pengenalan diri yang sah serta Akta Imigresen 1959/63 kerana menggaji warga asing bekerja tanpa permit sah," katanya.

Dalam kejadian berasingan, empat nelayan Vietnam dalam sebuah bot asing ditahan ketika menangkap ikan secara haram, kira-kira 10 batu nautika daripada Pulusu Aur, Mersing, Johor kira-kira jam 4 pagi kelmarin. Pengarah Perikanan Negeri Jo-

hor, Mores Shah Hashim, berkata penahanan dilakukan ketika pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua dan Maritim Malaysia Mersing melaksanakan rondaan bersepadu di perairan berkenaan.

Katanya, tangkapan mengambili masa hampir dua jam susulan nelayan asing itu bertindak agresif, termasuk cuba merosakkan kipas enjin bot pihak berkuasa dalam usaha mengelak ditahan.



Mereka cuba mengaburi penguat kuasa dengan menyamar bot tempatan, namun usaha mereka gagal

Muhammad Suffi Mohd Ramli,  
Pengarah Maritim Terengganu

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			19	27/04/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Selasa, 27 April 2021

# Dua pemancing maut dipanah petir

## Mangsa berteduh di bawah pokok tepi kolam ketika hujan lebat

bhnews@bh.com.my

**Temerloh:** Dua pemancing maut dipanah petir ketika berteduh bawah pokok di sebuah kolam memancing di Kampung Cempaka, Lanchang, di sini, kelmarin.

Kejadian berlaku jam 3.30 petang ketika kedua-dua mangsa dari Lanchang, Muhammad Farhan Zainal Abidin, 20, dan Muhammad Fitri Fahmy Hashim, 27, sedang berteduh daripada hujan lebat.

Ketua Polis Daerah Temerloh,

Asisten Komisioner Mohd Yusri Othman, berkata Balai Polis Lanchang dimaklumkan kejadian itu oleh pembantu perubatan di Klinik Lanchang pada jam 4 petang.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa bersama tiga lagi rakan berusia antara 22 hingga 47 tahun dikatakan ke kolam memancing itu pada jam 12.30 tengah hari.

"Kedua-dua mangsa itu dikatakan berteduh bawah pokok di tepi kolam itu apabila hujan lebat berserta petir, manakala seorang rakan mereka pulang ke rumah untuk mengambil telefon bimbit yang tertinggal.

"Dua rakan lagi di-



Muhammad Farhan Zainal Abidin



Muhammad Fitri Fahmy Hashim

katakan pergi mengambil joran untuk balik sebelum melihat kedua-dua mangsa yang berada di bawah pokok itu rebah dan dipercayai pengsan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, Mohd Yusri berkata, dua rakan terbabit bergegas mendapatkan mangsa yang didapati tidak sedarkan diri.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa dikejarkan ke Klinik Lanchang, tetapi disahkan meninggal dunia.

Katanya, mayat dua mangsa dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, di sini, untuk proses bedah siasat.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO /		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	27/04/2021	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			



## Nelayan Vietnam cuba rosakkan bot pihak berkuasa

Nurul Amanina Suhaini



© Provided by Harian Metro Empat nelayan Vietnam ditahan bersama sebuah bot nelayan asing susulan dipercayai menangkap ikan secara haram, kira-kira 10 batu nautika daripada Pulau Aur, Mersing. FOTO IHSAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

am@hmetro.com.my



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	27/04/2021	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Mersing: Empat nelayan Vietnam ditahan dipercayai menangkap ikan secara haram kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur di sini, semalam.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hashim, berkata kejayaan susulan operasi bersepadu pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing kira-kira jam 4 pagi.

Katanya, berlaku adegan berkejaran hampir dua jam yang turut menyaksikan nelayan asing terbabit bertindak agresif dengan cuba merosakkan kipas enjin bot pihak berkuasa.

"Ia mengambil masa hampir dua jam dengan gerakan taktikal untuk menahan sebuah bot nelayan asing apabila mereka menggunakan pelbagai tindakan agresif sebelum dapat ditahan.

"Hasil siasatan lanjut mendapati vesel itu menangkap ikan di perairan negara tanpa dokumen yang sah dan mempunyai empat kru berusia 23 hingga 52 tahun-kira jam 4 pagi.

"Vesel ditahan termasuk peralatan menangkap ikan, selain kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, nelayan dan orang awam diminta memberi kerjasama memaklumkan maklumat berkaitan pencerobohan supaya tindakan lanjut dapat diambil.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			2	27/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

# Lihat 2 rakan rebah

*Dua pemancing maut dipanah petir ketika teduh bawah pokok*

Oleh Roselan Ab Malek  
am@hmetro.com.my

## Temerloh

**D**ua pemancing yang berteduh di bawah pokok maut dipanah petir di kolam ikan Kampung Cempaka, Lanchang, jam 3.30 petang, kelmarin.

Mangsa, Muhammad Farhan Zainal Abidin, 20, dan Muhammad Fitri Fahmy Hashim, 27, dari Lanchang bersama tiga lagi rakannya pergi ke kolam memancing itu pada jam 12.30 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Yusri Othman berkata, Balai Polis Lanchang menerima aduan berkaitan kes



MUHAMMAD Fitri



MUHAMMAD Farhan

itu jam 4 petang daripada pembantu perubatan Klinik Lanchang.

"Sebelum itu, dua mangsa yang maut itu dikatakan berteduh di bawah pokok di tepi kolam itu ketika bujan

lebat berserta petir manakala seorang rakannya balik ke rumah mengambil telefon bimbit yang tertinggal.

"Manakala dua rakan lagi pergi mengambil joran bersiap sedia untuk balik ketika



itu dua rakan tersebut melihat kedua-dua mangsa yang berada di bawah pokok rebah," katanya.

Menurutnya, dua sahabatnya terus bergegas ke tempat kejadian dan terus membawanya ke Klinik Lanchang sebelum disahkan meninggal dunia.

Kedua-dua mayat mangsa dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh untuk dibedah siasat.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			10	27/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

# 'Serang' kipas enjin bot

Bot nelayan Vietnam tangkap ikan secara haram di Johor bertindak ganas

Oleh Nurul Amanina Suhairi  
am@hmetro.com.my

## Mersing

Selepas dikejar hampir dua jam, sebuah bot nelayan Vietnam bersama empat kru ditahan ketika menangkap ikan secara haram kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur di sini, Kelantan.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hashim berkata, kejayaan susutian operasi bersepadu pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing kira-kira jam 4 pagi.

Katanya, berlaku adegan mengejar hampir dua jam yang turut menyaksikan nelayan asing terbabit bertindak agresif dengan cuba merosakkan kipas enjin bot



Bot nelayan Vietnam yang ditahan kerana menangkap ikan secara haram kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur, Mersing.

gibak berkuasa. "Ya, mengenai masa hampir dua jam dengan gerakan taktikal untuk menahan bot nelayan asing tersebut apabila mereka menggunakan pelbagai tindakan agresif sebelum dapat ditahan. "Hasil siasatan lanjut mendapati vesel berkenaan menangkap ikan di perairan negara pada jam 4 pagi tanpa dokumen sah dan



Vesel berkenaan menangkap ikan di perairan negara pada jam 4 pagi tanpa dokumen sah dan mempunyai empat kru berusia 23 hingga 52 tahun"

## Moraishah

mempunyai empat kru berusia 23 hingga 52 tahun.

"Vesel ditahan termasuk peralatan menangkap ikan, selain kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

Beliau berkata, nelayan dan orang awam diminta memberi kerjasama memaklumkan maklumat berkaitan pelanggaran supaya tindakan lanjut dapat diambil.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			13	27/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL			

## Dua sahabat maut dipanah petir ketika memancing Mimpi gigi tercabut petanda anak 'pergi'

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

**TEMERLOH** – Perasaan tidak sedap hati seorang bilal masjid selepas bermimpi giginya tercabut bagaikan menjadi petanda buruk apabila anak sulungnya, Muhammad Fitri Fahmy Hashim maut dipanah petir ketika memancing di sebuah kolam semalam.

Hashim Hassan, 53, berkata, sejak bermimpi kesemua gigi bahagian atasnya tercabut tiga hari lalu, dia berasa pelik dan perasaannya tidak menentu serta sentiasa berasa berdebar-debar.

"Dalam mimpi itu semua gigi bahagian atas saya gugur satu persatu dan sebelum itu saya juga bermimpi dikejar ular bagaikan petanda tidak baik.

"Saya sudah merasai ada sesuatu yang berlaku kepada keluarga terdakat kerana hati sentiasa berdebar-debar tetapi tidak menyangka ia membabitkan anak sulung daripada tiga beradik," katanya di sini semalam.

Kelmarin, keseronokan enam sahabat memancing di sebuah kolam berakhir dengan tragedi apabila dua daripadanya maut dipanah petir ketika berteduh di bawah sebatang pokok di kolam Ikan Kampung Cempaka di sini.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Mohd Yusri Othman berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 petang itu kedua-dua mangsa iaitu Muhammad Farhan Zaital Abidin, 20, dan Muhammad Fitri Fahmy Hashim, 27, pergi memancing ke kolam berkenaan.

Menurut Hashim dia yang bekerja di sebuah kilang di Mentakab hanya mengetahui mengenai



AHLI keluarga mangsa tidak dapat menahan sedih melihat jasad kedua-dua mangsa di Klinik Lanchang, Temerloh kelmarin.

kejadian selepas dibuktikan rakannya.

Saya bergegas ke Klinik Lanchang dan luluh rasa hati apabila satu-satunya anak lelaki yang masih bujang maut dipanah petir tetapi kami sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi," katanya.

Sementara itu, Ramlah Abd. Rani, 45, berkata, dia tidak menyangka tindakan Muhammad Farhan yang bekerja di Bera balik ke kampung setiap minggu sejak

dua bulan lalu menjadi petanda ketiadaannya buat selamanya.

Dia berkata, sebelum ini anak keempat dari enam beradik yang bekerja di Bera itu kebiasaan akan pulang ke rumahnya di Kampung Rantau Panjang setiap bulan selepas gaji.

"Muhammad Farhan anak yang perlang, kelakar dan menja di harapan keluarga. Saya sangat sedih kehilangan anak terutama menjelang Aidilfitri," ujarnya.



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO /	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			18	27/04/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

## Kejar bot Vietnam 'ganas' hampir 2 jam

MERSING - Pihak berkuasa terpaksa mengambil masa hampir dua jam untuk menahan sebuah bot nelayan Vietnam yang menangkap ikan secara haram kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur di sini kelmarin.

Pengarah Perikanan Johor, Noralshah Hashim berkata, dalam operasi pukul 4 pagi itu turut berjaya menahan empat kru warga Vietnam berusia antara 23 hingga 52 tahun.

Ketanya, tangkapan dilakukan ketika rondaan bersepadu dijalankan pihaknya bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Dua dan Maritim Malaysia

(APMM) Wilayah Mersing.

"Pihak kami terpaksa mengambil masa hampir dua jam untuk menangkap suspek yang melarikan diri selain cubaan mereka merosakkan kapal endi bot pihak berkuasa.

Namun akhirnya, bot terabit bersama empat kru berjaya ditahan selain merampas peralatan menangkap ikan. Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan pencubaan nelayan asing dibenak menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.



INILAH bot nelayan Vietnam yang ditahan pihak berkuasa di perairan Pulau Aur, Mersing kelmarin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	<del>X</del>	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	\	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

## Dua lelaki maut dipanah petir

TEMERLOH - Aktiviti lima rakan memancing ikan bertukar tragedi apabila dua daripada mereka maut dipanah petir ketika berada di Kolam Ikan Empang Kampung Cempaka, Lanchang pada petang Ahad.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 petang, mangsa Muhammad Farhan Zainal Abidin, 20, dari Kampung Rantau Panjang, di sini dan Muhammad Fitri Fahmy Hashim, 27, dari Jalan Setia, Lanchang meninggal dunia akibat kejadian tersebut.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Yusri Othman berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu kira-kira jam 4 petang daripada pembantu perubatan Klinik Kesihatan (KK) Lanchang.

Menurutnya, mangsa bersama tiga orang lagi rakanannya berusia antara 22 hingga 47 tahun telah pergi ke kolam memancing tersebut kira-kira jam 12.30 tengah hari.

"Sebelum kejadian,



Dua lelaki yang dipercayai dipanah petir disahkan meninggal dunia sebaik tiba di KK Lanchang, Temerloh pada Ahad.

dua mangsa terbabit dikatakan berteduh di bawah pokok di tepi kolam itu ketika hujan lebat disusuli dengan petir.

"Seorang rakan mereka pula balik ke rumah untuk mengambil telefon bimbit yang tertinggal," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Ujarnya, kedua rakan lagi mengambil joran untuk pulang dan tiba-tiba mereka melihat kedua-

dua mangsa yang berteduh di bawah pokok rebah.

Jelasnya, dua rakan mangsa terus membawa mangsa ke KK Lanchang dan disahkan meninggal dunia sebaik tiba di klinik berkenaan.

"Kedua-dua mayamangsa telah dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) Temerloh untuk dibedah siasat," katanya.